

3.0 PENGENALAN : METODOLOGI PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini bertujuan meneliti keupayaan pelajar Melayu mentranskripsikan dan membezakan fonetik bahasa Mandarin dalam proses pembelajaran bahasa Mandarin, khususnya dalam aspek kemahiran mendengar. Reka bentuk kajian penyelidikan kuantitatif ini adalah berbentuk kajian kes untuk menilai keupayaan pembelajaran pelajar di UPSI. Untuk mencapai tujuan ini, pengkaji akan menggunakan ujian mendengar sebagai instrumen kajian utama. Berasaskan data yang diperolehi daripada ujian mendengar yang diberi kepada pelajar, pengkaji akan menganalisis data tersebut dengan kaedah analisis deskriptif untuk meneliti keupayaan pelajar mentranskripsikan dan membezakan komponen utama fonetik bahasa Mandarin. Ujian mendengar yang diberi juga bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Di samping itu, pengkaji juga mengedarkan soal selidik kepada pelajar untuk meneliti latar belakang pelajar dan pandangan mereka terhadap pembelajaran fonetik bahasa Mandarin.

3.1 SUBJEK

Subjek penyelidikan ini terdiri daripada 40 orang pelajar Melayu yang mengikuti kursus BCA 1012. Pelajar yang mengikuti kursus ini dibahagikan kepada 5 kumpulan, iaitu kumpulan A,B,C,D dan E. Oleh kerana pengkaji sendiri merupakan guru kepada kumpulan A, B dan C, maka ketiga-tiga kumpulan tersebut tidak akan dijadikan sampel kajian untuk mengelakkan berlakunya percanggahan kesahan dan kebolehpercayaan.

Jumlah pelajar bagi kumpulan D dan E adalah seramai 48 orang. Pengkaji telah memilih seramai 40 orang pelajar sebagai sampel kajian berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan yang telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian seperti Jadual 3.1. (Krejcie & Morgan 1970, m.s.607-610)

Sampel kajian dipilih secara rawak dengan 100% kehadiran dalam kumpulan D dan E.

<i>Total</i>	<i>Sample</i>	<i>Total</i>	<i>Sample</i>	<i>Total</i>	<i>Sample</i>
10 ⇒	10	220 ⇒	140	1200 ⇒	291
15 ⇒	14	230 ⇒	144	1300 ⇒	297
20 ⇒	19	240 ⇒	148	1400 ⇒	302
25 ⇒	24	250 ⇒	152	1500 ⇒	306
30 ⇒	28	260 ⇒	155	1600 ⇒	310
35 ⇒	32	270 ⇒	159	1700 ⇒	313
40 ⇒	36	280 ⇒	162	1800 ⇒	317
45 ⇒	40	290 ⇒	165	1900 ⇒	320
50 ⇒	44	300 ⇒	169	2000 ⇒	322
55 ⇒	48	320 ⇒	175	2200 ⇒	327
60 ⇒	52	340 ⇒	181	2400 ⇒	331
65 ⇒	56	360 ⇒	186	2600 ⇒	335
70 ⇒	59	380 ⇒	191	2800 ⇒	338
75 ⇒	63	400 ⇒	196	3000 ⇒	341
80 ⇒	66	420 ⇒	201	3500 ⇒	346
85 ⇒	70	440 ⇒	205	4000 ⇒	351
90 ⇒	73	460 ⇒	210	4500 ⇒	354
95 ⇒	76	480 ⇒	214	5000 ⇒	357
100 ⇒	80	500 ⇒	217	6000 ⇒	361
110 ⇒	86	550 ⇒	226	7000 ⇒	364
120 ⇒	92	600 ⇒	234	8000 ⇒	367
130 ⇒	97	650 ⇒	242	9000 ⇒	368
140 ⇒	103	700 ⇒	248	10000 ⇒	370
150 ⇒	108	750 ⇒	254	15000 ⇒	375
160 ⇒	113	800 ⇒	260	20000 ⇒	377
170 ⇒	118	850 ⇒	265	30000 ⇒	379
180 ⇒	123	900 ⇒	269	40000 ⇒	380
190 ⇒	127	950 ⇒	274	50000 ⇒	381
200 ⇒	132	1000 ⇒	278	75000 ⇒	382
210 ⇒	136	1100 ⇒	285	100000 ⇒	384

Jadual 3.1 Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)

Pelajar didedahkan kepada HP yang merupakan ilmu asas sistem fonetik bahasa Mandarin pada peringkat asas. Jumlah jam yang diikuti oleh pelajar kursus ini ialah 2 jam seminggu dan jangka masa kursus ini adalah selama 14 minggu.

3.2 INSTRUMEN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan 2 instrumen untuk mendapatkan data kajian, iaitu ujian mendengar dan soal selidik.

3.2.1 Ujian

Para pelajar diberi ujian mendengar dalam 5 aspek iaitu:

- a) Suku kata awalan
- b) Suku kata akhiran
- c) nada
- d) perbezaan di antara suku kata awalan
- e) perbezaan di antara suku kata akhiran.

Pungutan data melalui bentuk ujian ini amat penting supaya pengkaji dapat menganalisis keupayaan pelajar dalam mentranskripsikan dan membezakan bunyi sebutan fonetik bahasa Mandarin dalam aspek mendengar serta mengenalpasti kelemahan mereka. Ujian mendengar ini telah dijalankan sebanyak 2 kali, iaitu pada minggu ke 10 dan minggu ke 11. Ujian ini disemak dan dibincang antara pelajar dengan pensyarah pada minggu 13 supaya dapat mengenalpasti punca-punca kesilapan yang dilakukan.

3.2.2 Soal Selidik

Di samping itu, kajian soal selidik juga dilakukan. Analisis kajian soal selidik dilakukan supaya dapat memperolehi gambaran yang jelas tentang latar belakang subjek serta pandangan mereka terhadap pembelajaran Mandarin, khususnya HP.

Soal selidik yang direkabentuk dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A ialah berkenaan dengan data peribadi pelajar yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- a) Jantina
- b) Program Pengajian
- c) Semester Pengajian
- d) Penggunaan bahasa di rumah dan di bilik kuliah
- e) Tahap penguasaan bahasa
- f) Pengalaman belajar bahasa Mandarin

Bahagian B pula merangkumi data kajian seperti berikut:

- a) Tujuan pembelajaran
- b) Minat
- c) Masa berulangkaji
- d) Pendedahan bahasa Mandarin di luar waktu kuliah

- e) Tahap kesukaran (dibahagi kepada tidak susah, sedikit susah, susah dan sangat susah) HP dalam aspek
- i. suku kata awalan (bunyi bibir, bunyi gigi, bunyi gultural, bunyi lelangit, bunyi sibilan dan bunyi gelungan)
 - ii. suku kata akhiran (vokal tunggal, vokal majmuk, vokal sengau, dan vokal gelungan)
 - iii. nada (nada pertama, nada kedua, nada ketiga dan nada keempat)

3.3 TATACARA PENYELIDIKAN

Pengkaji telah memohon kebenaran pihak Pusat Bahasa Moden di UPSI untuk menjalankan kajian ini. Ujian yang digubal oleh pengkaji telah dinilai oleh seorang professor pelawat dari Nanjing Normal University yang pakar dalam bidang PPBM2. Selepas itu, subjek yang dipilih diberi ujian mendengar buat kali pertama pada minggu ke 10. Semua pelajar berkumpul di bilik kuliah pada pukul 2.00 petang untuk menjalani ujian ini selama 1 jam. Ujian dijalankan dengan seorang pensyarah menggunakan mikrofon membaca soalan di depan bilik kuliah dan pelajar dikehendaki mentranskripsikan sebutan yang didengar. Pita rakam tidak digunakan dalam kajian ini kerana suara rakaman yang berbeza dengan suara sebenar akan mengganggu pendengaran pelajar dan menyebabkan dapatan kajian tidak memaparkan keadaan yang sebenar.

Selanjutnya ujian mendengar kali kedua dijalankan pada minggu ke-11 pukul 10 pagi . Ujian kali ini lebih kepada menguji keupayaan pelajar dalam membezakan kumpulan suku kata awalan dan suku kata akhiran yang hampir sama dan mengelirukan. Selain itu, ujian ini juga menilai penguasaan nada bahasa Mandarin dalam aspek mendengar pelajar. Ujian ini dijalankan selama 30 minit di tempat yang sama dan dengan cara yang sama seperti ujian kali pertama.

Kedua- dua ujian ini dijalankan berasingan adalah untuk mengelakkan kepenatan subjek kajian yang akan mempengaruhi keputusan ujian. Tujuan ujian-ujian ini adalah untuk menilai keupayaan mereka dalam membezakan fonetik bahasa Mandarin yang telah dipelajari. Melalui ujian ini, pengkaji juga akan mendapat maklumat bahawa kelemahan dan kelebihan kemahiran mendengar yang mereka kuasai. Ujian yang telah disemak dibincang bersama antara pensyarah dengan pelajar untuk mengenalpasti sebab-sebab berlaku kesalahan pada minggu ke 13 dalam kelas masing-masing pada pukul 3.00 petang. Perbincangan ini diadakan 2 minggu selepas ujian diadakan adalah untuk tujuan jurnal refleksi, di mana selepas ujian, pelajar dapat membuat catatan masalah mereka untuk mendapatkan hasil kajian yang jitu dan tepat.

Sebelum perbincangan dijalankan, pengkaji mengedarkan soal selidik kepada subjek untuk mendapat data daripada mereka serta pandangan mereka terhadap HP yang telah mereka pelajari supaya dapat dijadikan rujukan yang menyokong dapatan dalam proses menganalisis data.

3.4 ANALISIS DATA

Instrumen kajian ini termasuk ujian dan soal selidik. Maka data mentah yang diperolehi ditranskripsikan dan dianalisis dengan menggunakan kaedah SPSS versi 12.0. Kaedah ini digunakan kerana ia merupakan kaedah yang paling *popular* dalam bidang kajian penyelidikan untuk mendapatkan *output* data. Kaedah ini bukan sahaja sesuai untuk mendapat dapatan yang tepat dan jitu, malah ia juga lebih mudah untuk mengakses data, melakukan analisis data dengan beberapa mouse klik sahaja. Selain itu, Keupayaan pelajar akan dinilai dengan berdasarkan bilangan betul yang diperolehi dalam kedua-dua ujian mengikut skala pengredan UPSI. Peratusan bilangan yang betul dan kesilapan terkumpul secara keseluruhan dikira berdasarkan statistik yang diperolehi dari *output* SPSS. Dalam kajian ini, penyelidikan kuantitatif dilakukan melalui analisis deskriptif di mana data dikumpul dan statistik asas dilaporkan seperti kekerapan dan peratusan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dan akhirnya kesilapan yang berlaku diklasifikasikan secara manual. Jenis-jenis kesilapan yang dilakukan dipaparkan dengan menggunakan jadual dan dibuat perbandingan. Sebab-sebab berlaku kesilapan yang diperolehi dalam sesi perbincangan pula dianalisis berdasarkan dapatan kajian.